



**KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING)

Tingkat 4 - 6, 10, 11, 15 - 18, Wisma Innoprise,  
Jalan Sulaman, Teluk Likas,  
88817 Kota Kinabalu, Sabah.  
Telefon: 088-328000 Faks: 088-383172/430541  
Laman Web: [www.sabah.gov.my/mlgh](http://www.sabah.gov.my/mlgh)



Rujukan: KKT&P:100-4/3/( )

Tarikh: 27 Januari 2023

Presiden  
Majlis Perbandaran Sandakan

Presiden  
Majlis Perbandaran Tawau

Pegawai Eksekutif  
Lembaga Bandaran Kudat

Semua Pegawai Eksekutif  
Majlis Daerah Seluruh Sabah

Tuan/Puan,

**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 1/2023  
PEMBERIAN KENAIKAN GAJI TAHUNAN (KGT) TAMBAHAN KHAS KEPADA  
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM DALAM KUMPULAN PELAKSANA DAN  
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Dengan hormatnya, merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dipanjangkan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.1/2023 mengenai pemberian Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) Tambahan Khas bagi tahun 2023 kepada Pegawai Perkhidmatan Awam dalam Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional untuk pelaksanaan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

3. Bersama-sama ini disertakan sesalinan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 1/2023, rujukan JPAN: 700-3/1 JLD.5/(125) untuk perhatian dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian dan terima kasih.


**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

( **DATUK JAMILI NAIS, PhD** )  
Setiausaha Tetap

Lampiran.

**“SABAH MAJU JAYA”**



**NEGERI SABAH**

[ JPAN: 700-3/1 JLD. 5 /(125) ]

**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 1/2023**

**PEMBERIAN KENAIKAN GAJI TAHUNAN (KGT) TAMBAHAN KHAS KEPADA  
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI DALAM KUMPULAN PELAKSANA  
DAN KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberikan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) Tambahan Khas bagi tahun 2023 kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri dalam Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2022 (Persekutuan).

**LATAR BELAKANG**

2. Kadar KGT semasa bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri dalam Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah sebagaimana yang ditetapkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bilangan 7 Tahun 2016.

**“SABAH MAJU JAYA”**

3. Pegawai Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional menerima Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) pada kadar KGT antara RM80.00 hingga RM320.00.

4. Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00 kepada pegawai Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional pada 1 Januari 2023.

#### TAFSIRAN

5. Bagi maksud Pekeliling Perkhidmatan ini:

**“Kenaikan Gaji Tahunan”** bermaksud amaun yang digunakan bagi pemberian pergerakan gaji biasa yang ditetapkan mengikut gred dalam Jadual Gaji Minimum Maksimum (JGMM).

**“Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas”** bermaksud amaun bagi pemberian pergerakan gaji tambahan khas sebanyak RM100.00 kepada pegawai Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi tahun 2023 sahaja.

#### PELAKSANAAN

##### PEGAWAI YANG LAYAK

6. Pelaksanaan pemberian KGT Tambahan Khas ini melibatkan pegawai Perkhidmatan Awam Negeri dari Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional bertaraf tetap, sementara dan kontrak (*Contract of Service*) yang telah dilantik **sebelum 1 Januari 2023 dan sedang berkhidmat pada 1 Januari 2023**, termasuk pegawai yang berada dalam keadaan seperti berikut:

6.1 pegawai yang dipinjamkan atau ditukar sementara ke agensi Kerajaan;

**“SABAH MAJU JAYA”**



- 6.2 pegawai yang dipinjamkan ke pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta;
- 6.3 pegawai yang cuti bergaji penuh, cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji; atau
- 6.4 pegawai yang meninggal dunia pada 1 Januari 2023.

### **PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK**

- 7. Pemberian KGT Tambahan Khas ini tidak diberikan kepada:
  - 7.1 Pegawai yang tidak hadir bertugas dan ditahan gajinya sepanjang tahun 2022;
  - 7.2 Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman buang kerja yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2023;
  - 7.3 Pegawai yang dilantik mulai 1 Januari 2023;
  - 7.4 Pegawai yang bersara pada atau sebelum 1 Januari 2023; atau
  - 7.5 Pegawai yang meninggal dunia pada atau sebelum 31 Disember 2022.

### **KAEDAH PELAKSANAAN**

- 8. Gaji hakiki pegawai pada 31 Disember 2022 akan ditambah dengan KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00 pada 1 Januari 2023. Amaun tersebut kekal dalam gaji hakiki pegawai.
- 9. KGT Tambahan Khas hanya diberi pada tahun 2023 sahaja. Simulasi kaedah pemberian KGT Tambahan Khas adalah seperti di **Lampiran A**.

**“SABAH MAJU JAYA”**

10. Bagi pegawai yang dipinjamkan atau ditukar sementara ke jawatan Kumpulan Pelaksana atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional di agensi Kerajaan, pemberian KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00 pada 1 Januari 2023 hendaklah diberi secara isyarat di gaji hakiki oleh Ketua Jabatan asal dan secara sebenar oleh Ketua Jabatan agensi peminjam.

11. Bagi pegawai yang dipinjamkan atau ditukar sementara ke jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi, agensi Kerajaan yang diasingkan saraan, pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta, pemberian KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00 pada 1 Januari 2023 hendaklah diberi secara isyarat di gaji hakiki sahaja oleh Ketua Jabatan asal.

12. Pelaksanaan pemberian KGT Tambahan Khas ini adalah tidak tertakluk kepada penilaian prestasi kerja tahunan pegawai dan keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).

13. Pelaksanaan pemberian KGT Tambahan Khas ini tidak berkaitan dengan urusan perkhidmatan lain yang melibatkan kadar KGT termasuk penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat dan hukuman tatatertib seperti hukuman tangguh pergerakan gaji dan hukuman turun gaji.

14. Perubahan gaji berikutan pemberian KGT Tambahan Khas ini hendaklah direkodkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan dan Sistem Maklumat Sumber Manusia (SM2).

#### **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

15. Pemberian KGT Tambahan Khas ini tidak menjejaskan PGT pegawai bagi tahun 2023 dan tahun berikutnya tertakluk kepada pegawai memenuhi syarat dan peraturan PGT yang berkuat kuasa.

**“SABAH MAJU JAYA”**

#### TARIKH PERGERAKAN GAJI

16. Pemberian KGT Tambahan Khas ini tidak mengubah Tarikh Pergerakan Gaji pegawai.

#### TARIKH KUAT KUASA

17. Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah berkuat kuasa pada **1 Januari 2023**.

#### PEMAKAIAN

18. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



[ DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR UNTONG, JP ]  
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: 17/1/23

**“SABAH MAJU JAYA”**

s.k.: Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan Negeri Sabah  
Blok C, Menara Kinabalu  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**

Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri Sabah  
Tingkat 8,9,10 dan 11, Blok A, Menara Kinabalu  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**

Diedarkan kepada :  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

**“SABAH MAJU JAYA”**

## LAMPIRAN A

### INDEKS SIMULASI PEMBERIAN KGT TAMBAHAN KHAS

BIL.	SENARAI SIMULASI	LAMPIRAN
1	Kaedah Pemberian KGT Tambahan Khas bagi pegawai yang Tarikh Pergerakan Gaji sama dengan tarikh kuat kuasa KGT Tambahan Khas.	A1
2	Kaedah Pemberian KGT Tambahan Khas bagi pegawai yang Tarikh Pergerakan Gaji tidak sama dengan tarikh kuat kuasa KGT Tambahan Khas.	A2 & A3
3	Kaedah Pemberian KGT Tambahan Khas bagi pegawai yang Dinaikkan Pangkat ( <i>Secara Time Based</i> Berasaskan Kecemerlangan (TBK)) pada Tahun 2023.	A4
4	Kaedah Pemberian KGT Tambahan Khas bagi pegawai yang diberi Pemangkuan/Kenaikan Pangkat ( <i>Secara Hakiki</i> ) pada Tahun 2023.	A5

**“SABAH MAJU JAYA”**



**KAEDAH PEMBERIAN KGT TAMBAHAN KHAS  
BAGI PEGAWAI YANG TARIKH PERGERAKAN GAJI SAMA DENGAN TARIKH  
KUAT KUASA KGT TAMBAHAN KHAS**

Skim Perkhidmatan : Pegawai Undang-Undang  
Gred : L41  
Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2023  
Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Januari  
Gaji Minimum - Maksimum : RM2,418.00 – RM9,607.00  
Kadar KGT : RM225.00

Tarikh	Telah Terima (RM)	Patut Terima (RM)	Catatan
31.12.2022	3,418.00	-	Gaji hakiki pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pemberian KGT Tambahan Khas.
1.1.2023	-	<b>3,518.00</b> (3,418.00 + 100.00)	Pemberian KGT Tambahan Khas.
1.1.2023	-	<b>3,743.00</b> (3,518.00 + 225.00)	TPG pegawai. Diberi PGT pada kadar RM225.00 mengikut keputusan PPSM.
1.1.2024	-	<b>3,968.00</b> (3,743.00 + 225.00)	TPG pegawai. Diberi PGT pada kadar RM225.00 mengikut keputusan PPSM.
1.1.2025	-	<b>4,193.00</b> (3,968.00 + 225.00)	TPG pegawai. Diberi PGT pada kadar RM225.00 mengikut keputusan PPSM.

**Catatan:**

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia  
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji  
PGT : Pergerakan Gaji Tahunan  
KGT : Kenaikan Gaji Tahunan

**KAEDAH PEMBERIAN KGT TAMBAHAN KHAS  
BAGI PEGAWAI YANG TARIKH PERGERAKAN GAJI TIDAK SAMA DENGAN TARIKH  
KUAT KUASA KGT TAMBAHAN KHAS**

Skim Perkhidmatan : Pembantu Operasi  
 Gred : N11  
 Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2023  
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Oktober  
 Gaji Minimum - Maksimum : RM1,216.00 – RM2,983.00  
 Kadar KGT : RM80.00

Tarikh	Telah Terima (RM)	Patut Terima (RM)	Catatan
31.12.2022	2,057.74	-	Gaji hakiki pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pemberian KGT Tambahan Khas.
1.1.2023	-	<b>2,157.74</b> (2,057.74 + 100.00)	Pemberian KGT Tambahan Khas.
1.10.2023	-	<b>2,237.74</b> (2,157.74 + 80.00)	TPG pegawai. Diberi PGT pada kadar RM80.00 mengikut keputusan PPSM.
1.10.2024	-	<b>2,317.74</b> (2,237.74 + 80.00)	TPG pegawai. Diberi PGT pada kadar RM80.00 mengikut keputusan PPSM.
1.10.2025	-	<b>2,397.74</b> (2,317.74 + 80.00)	TPG pegawai. Diberi PGT pada kadar RM80.00 mengikut keputusan PPSM.

**“SABAH MAJU JAYA”**

**KAEDAH PEMBERIAN KGT TAMBAHAN KHAS  
BAGI PEGAWAI YANG TARIKH PERGERAKAN GAJI TIDAK SAMA DENGAN TARIKH  
KUAT KUASA KGT TAMBAHAN KHAS**

Skim Perkhidmatan : Penolong Pegawai Keselamatan  
 Gred : KP32  
 Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2023  
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Julai  
 Gaji Minimum - Maksimum : RM2,844.00 – RM6,271.00  
 Kadar KGT : RM155.00

Tarikh	Telah Terima (RM)	Patut Terima (RM)	Gatatan
31.12.2022	3,774.15	-	Gaji hakiki pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pemberian KGT Tambahan Khas.
1.1.2023	-	<b>3,874.15</b> (3,774.15 + 100.00)	Pemberian KGT Tambahan Khas.
1.7.2023	-	<b>4,029.15</b> (3,874.15 + 155.00)	TPG pegawai. Diberi PGT pada kadar RM155.00 mengikut keputusan PPSM.
1.7.2024	-	<b>4,184.15</b> (4,029.15 + 155.00)	TPG pegawai. Diberi PGT pada kadar RM155.00 mengikut keputusan PPSM.
1.7.2025	-	<b>4,339.15</b> (4,184.15 + 155.00)	TPG pegawai. Diberi PGT pada kadar RM155.00 mengikut keputusan PPSM.

**“SABAH MAJU JAYA”**

**KAEDAH PEMBERIAN KGT TAMBAHAN KHAS  
BAGI PEGAWAI YANG DINAIKKAN PANGKAT (SECARA TIME BASED  
BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBK)) PADA TAHUN 2023**

Skim Perkhidmatan	: Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Gred	: N22
Tarikh Kuat Kuasa	: 1 Januari 2023
Tarikh Pergerakan Gaji Gred N19	: 1 April
Tarikh Kenaikan Pangkat ke Gred N22	: 16 Ogos 2023
Gaji Minimum – Maksimum Gred N19	: RM1,352.00 – RM4,003.00
Gaji Minimum – Maksimum Gred N22	: RM2,252.00 – RM4,693.00
Kadar KGT Gred N19	: RM100.00
Kadar KGT Gred N22	: RM115.00

Tarikh	Telah Terima (RM)	Patut Terima (RM)	Catatan
31.12.2022	2,552.00	-	Gaji hakiki pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pemberian KGT Tambahan Khas.
1.1.2023	-	<b>2,652.00</b> (2,552.00 + 100.00)	Pemberian KGT Tambahan Khas.
1.4.2023	-	<b>2,752.00</b> (2,652.00 + 100.00)	TPG Pegawai. Diberi KGT pada kadar RM100.00 bagi Gred N19, mengikut keputusan PPSM.
16.8.2023	-	<b>2,867.00</b> (2,752.00 + 115.00)	Tarikh kenaikan pangkat ke Gred N22. Penentuan gaji permulaan kenaikan pangkat. Gaji Gred N19 ditambah dengan kadar KGT Gred N22 selaras dengan PPNS Bil. 9/2017. TPG di Gred N22 ialah pada 1 Julai.
1.7.2024	-	<b>2,982.00</b> (2,867.00 + 115.00)	TPG baharu Pegawai. Diberi KGT pada kadar RM115.00 bagi Gred N22, mengikut keputusan PPSM.
1.7.2025	-	<b>3,097.00</b> (2,982.00 + 115.00)	TPG Pegawai. Diberi KGT pada kadar RM115.00 bagi Gred N22, mengikut keputusan PPSM.

**“SABAH MAJU JAYA”**



LAMPIRAN A5

**KAEDAH PEMBERIAN KGT TAMBAHAN KHAS  
BAGI PEGAWAI YANG DIBERI PEMANGKUAN/ KENAIKAN PANGKAT  
(SECARA HAKIKI) PADA TAHUN 2023**

Skim Perkhidmatan	: Juruukur
Gred	: J41
Tarikh Kuat Kuasa	: 1 Januari 2023
Tarikh Pergerakan Gaji Gred J41	: 1 Januari
Tarikh Pemangkuan Gred J44	: 10 Mei 2023
Tarikh Kenaikan Pangkat ke Gred J44	: 10 Mei 2024
Gaji Minimum – Maksimum Gred J41	: RM2,529.00 – RM9,643.00
Gaji Minimum – Maksimum Gred J44	: RM3,608.00 – RM10,557.00
Kadar KGT Gred 41	: RM225.00
Kadar KGT Gred 44	: RM250.00

Tarikh	Telah Terima (RM)	Patut Terima (RM)	Catatan
31.12.2022	4,329.00	-	Gaji hakiki pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pemberian KGT Tambahan Khas.
1.1.2023	-	<b>4,429.00</b> (4,329.00 + 100.00)	Pemberian KGT Tambahan Khas.
1.1.2023	-	<b>4,654.00</b> (4,429.00 + 225.00)	TPG Pegawai. Diberi KGT pada kadar RM225.00 bagi Gred J41, mengikut keputusan PPSM.
10.5.2023	-	4,654.00	Diberi pemangkuan ke Gred J44.
1.1.2024	-	<b>4,879.00</b> (4,654.00 + 225.00)	TPG Pegawai. Diberi KGT pada kadar RM225.00 bagi Gred J41, mengikut keputusan PPSM.
10.5.2024	-	<b>5,129.00</b> (4,879.00 + 250.00)	Tarikh kenaikan pangkat ke Gred J44. Penentuan gaji permulaan kenaikan pangkat. Gaji Gred J41 ditambah dengan kadar KGT Gred J44 selaras dengan PPNS Bil. 9/2017.  TPG di Gred J44 ialah pada 1 April.

**“SABAH MAJU JAYA”**

## SOALAN LAZIM

### PEMBERIAN KENAIKAN GAJI TAHUNAN (KGT) TAMBAHAN KHAS KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI DALAM KUMPULAN PELAKSANA DAN KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah pemberian KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00 ini dilaksanakan setiap tahun bermula tahun 2023?	<b>Tidak.</b> Pemberian KGT Tambahan Khas ini hanya dilaksanakan pada tahun 2023 sahaja. Walau bagaimanapun, amaun RM100.00 tersebut akan kekal dalam gaji hakiki pegawai.
2.	Bilakah tarikh kuat kuasa pelaksanaan pemberian KGT Tambahan Khas?	Tarikh kuat kuasa pelaksanaan pemberian KGT Tambahan Khas adalah pada 1 Januari 2023.
3.	Adakah pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi layak menerima KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00?	Pegawai yang berada di Kumpulan Pengurusan Tertinggi secara hakiki pada 1 Januari 2023 adalah tidak layak menerima KGT Tambahan Khas ini. KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00 ini hanya diberikan kepada pegawai Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.
4.	Adakah pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang sedang memangku Jawatan Utama / Gred Khas C layak menerima KGT Tambahan Khas?	<b>Layak.</b> Walau bagaimanapun, sekiranya tarikh kenaikan pangkat pegawai tersebut ke Jawatan Utama / Gred Khas C dikebelakangkan sebelum 1 Januari 2023, KGT Tambahan Khas tersebut perlu dikutip semula dan diselaraskan.

**“SABAH MAJU JAYA”**



BIL.	SOALAN	JAWAPAN
5.	Adakah pegawai yang dipinjamkan atau ditukar sementara ke jawatan Kumpulan Pelaksana atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional di agensi Kerajaan layak menerima KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00?	<p><b>Layak.</b> Pegawai yang dipinjamkan atau ditukar sementara ke jawatan Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional di agensi Kerajaan adalah layak menerima KGT Tambahan Khas sebanyak RM 100.00 secara isyarat di gaji jawatan hakiki dan secara sebenar di jawatan peminjaman / tukar sementara.</p> <p>Bagi pegawai yang dipinjamkan atau ditukar sementara ke jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi, agensi Kerajaan yang diasingkan saraan, pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta, pemberian KGT Tambahan Khas hendaklah diberikan secara isyarat di gaji jawatan hakiki sahaja.</p>
6.	Adakah pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib layak menerima KGT Tambahan Khas?	Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja yang berkuatkuasa 1 Januari 2023 adalah layak untuk menerima KGT Tambahan Khas.
7.	Adakah kadar KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00 turut digunakan dalam penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat?	<b>Tidak.</b> Pemberian KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00 tidak berkaitan dengan urusan perkhidmatan lain termasuklah penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat.
8.	Adakah pegawai yang bersara pada 1 Januari 2023 layak menerima KGT Tambahan Khas?	<b>Tidak.</b> Pegawai yang bersara pada 1 Januari 2023 adalah tidak layak menerima KGT Tambahan Khas kerana hari terakhir perkhidmatan pegawai adalah pada 31 Disember 2022.

**“SABAH MAJU JAYA”**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
9.	Adakah pegawai yang meninggal dunia pada 1 Januari 2023 layak menerima KGT Tambahan Khas?	<b>Layak.</b> Pegawai yang meninggal dunia pada 1 Januari 2023 adalah layak menerima KGT Tambahan Khas kerana hari terakhir perkhidmatan pegawai adalah pada 1 Januari 2023. KGT Tambahan Khas ini akan diambil kira dalam gaji akhir pegawai bagi tujuan faedah persaraan.
10.	Adakah pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman buang kerja yang berkuat kuasa selepas daripada 1 Januari 2023 layak menerima KGT Tambahan Khas?	<b>Layak.</b> Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman buang kerja yang berkuat kuasa selepas daripada 1 Januari 2023 adalah layak menerima KGT Tambahan Khas kerana pegawai masih lagi berkhidmat pada 1 Januari 2023.
11.	Adakah pemberian KGT Tambahan Khas ini tertakluk kepada keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)?	<b>Tidak.</b> Pemberian KGT Tambahan Khas ini adalah tidak tertakluk kepada keputusan PPSM.

**“SABAH MAJU JAYA”**